



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

BRAIN OUTREACH 2.0

Mohamad Aliff Suhaimi, Mohamad Fahrin Rosli & Mohd Fakarul Radzi Mahadi



UiTM Kampus Seremban, 31 Disember 2024
- Pada tengahari Ahad, Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Badan Peers Kaunselor Seremban (PEERS) dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling UiTM Kampus Seremban (UKK) telah menganjurkan satu program berkaitan kesihatan mental mahasiswa iaitu Brain Outreach 3.0 yang berlangsung di Medan 3 Persukuan Aras Bawah. Program ini dilancarkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang kadar kesihatan mental secara fakta. Antara aktiviti yang dilakukan adalah Surat Semangat, Cuba Teka Saya, dan Kuiz Minda dan Kotak Luahan Hati.



Ramai mahasiswa yang berminat telah mengambil bahagian dalam program ini. Program ini menampilkan 4 aktiviti utama antaranya Kuiz Minda. Kuiz Minda merupakan satu aktiviti untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar berkenaan Kolej dan juga berkenaan Kesihatan Mental. Seterusnya, aktiviti Kotak Luahan Hati. Aktiviti ini dilakukan bagi mendengar suara pelajar yang mungkin ingin meluahkan perasaan mereka yang sudah lama terpendam. Aktiviti lain yang turut diadakan adalah Cuba Teka Saya dan Surat Semangat. Program ini dianjurkan oleh JPK UiTM Cawangan Seremban, Peers dan UKK.



Mereka telah memainkan peranan penting dalam menjayakan program ini, dengan melibatkan seramai 27 orang ahli jawatankuasa yang terlibat dalam pelbagai aspek pengurusan dan persiapan program. Kos program yang diluluskan untuk penganjuran ini adalah sebanyak RM 380.00. Program ini bukan sahaja mampu memberi hiburan tetapi memberikan peluang kepada pelajar untuk meluahkan perasaan mereka di tempat yang betul.

Secara keseluruhan, program Brain Outreach 3.0 ini berjaya dilaksanakan dengan lancar dalam usaha memupuk kekukuan semangat mental dan fizikal dalam diri mahasiswa. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan di masa akan datang dengan lebih banyak penglibatan dan penyertaan dari kalangan warga kolej.



Penghargaan khas juga kepada seluruh AJK program yang terlibat yang sudi menabur bakti dan jasa sepanjang tempoh pelaksanaan program ini berlansung amnya. Sekian, Assalamualaikum W.B.T.